

## PUSAT PEMBENTUKAN PENDIDIKAN LANJUTAN DAN PROFESIONAL (UKMSHAPE) UNIVERSITI KEBANGSAAN MALAYSIA

---

### PERATURAN AM KEWANGAN PELAJAR

Peraturan am ini dikeluarkan sebagai panduan kepada pelajar di bawah kendalian Pusat Pembentukan Pendidikan Lanjutan dan Profesional (UKMSHAPE), Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM):-

#### 1) Pelajar Prasiswazah Tempatan:-

- a. Mod UKMi Tempatan
- b. Mod Eksekutif dan Pengajian Berterusan Jarak Jauh (PBJJ)
- c. Mod *Open & Distance Learning* (ODL)

#### 2) Pelajar Pascasiswazah Tempatan

- a. Mod Eksekutif dan Sepenuh Masa.
- b. Mod *Open & Distance Learning* (ODL)

Peraturan ini menjadi asas rujukan bagi tujuan pelbagai isu berkaitan pembiayaan kewangan pengajian pelajar.

### 1.0 YURAN PENGAJIAN

1.1 Yuran yang dikenakan ke atas pelajar bagi tujuan pembiayaan sepanjang tempoh pengajian yang telah ditetapkan secara pakej yang merangkumi perkara berikut:

- i. Yuran Akademik;
- ii. Yuran Peperiksaan;
- iii. Bahan – bahan bacaan termasuk modul sesi pengajian; dan
- iv. Bayaran – bayaran lain seperti yuran peperiksaan, fi makmal komputer dan sains serta aktiviti pelajar di fakulti dan universiti.

1.2 Jumlah yuran yang dikenakan ke atas setiap pelajar adalah berbeza mengikut fakulti dan tahap pengajian yang ditawarkan. Setiap pelajar perlu merujuk kepada jadual yuran yang dikepalkan bersama dengan surat tawaran pengajian. Maklumat berkaitan yuran pengajian yang dikenakan ke atas pelajar juga boleh diakses melalui laman web rasmi UKMSHAPE [www.ukm.my/ukmshape](http://www.ukm.my/ukmshape). UKMSHAPE berhak meminda kadar yuran pada bila-bila masa tanpa notis awal kepada pelajar.

### 2.0 PILIHAN PEMBAYARAN

2.1 Yuran keseluruhan pengajian dipecahkan pembayarannya mengikut semester pengajian.

## 2.2 UKMSHAPE

menyediakan kemudahan kepada pelajar untuk memilih kaedah pembayaran mengikut kesesuaian bagi menampung pengajian seperti digariskan dalam **Jadual 1**. Pilihan pembayaran yang ditawarkan ini terpakai sepanjang tempoh pelajar menjalani pengajian di UKM. Pelajar boleh berhubung dengan Bahagian Kewangan UKMSHAPE bagi mendapat khidmat nasihat berkaitan setiap pilihan pembayaran yang ditawarkan.

### **PILIHAN 1**

Pembayaran yuran pengajian diselesaikan sepenuhnya sebelum mendaftar masuk sebagai pelajar UKMSHAPE pada setiap semester.

### **PILIHAN 2**

Pembayaran yuran pengajian dilunaskan mengikut pecahan berikut:

- a. 40% daripada yuran semester dibayar **SEBELUM** pendaftaran masuk pelajar pada setiap semester. Pembayaran ini perlu disempurnakan selewat-lewatnya dua (2) minggu sebelum tarikh pendaftaran pengajian;
- b. 30% daripada yuran pengajian dibayar **SELEPAS** pendaftaran masuk pelajar pada bulan berikutnya setiap semester; dan
- c. Baki 30% daripada yuran semester diselesaikan sepenuhnya selepas bayaran kali kedua dalam bulan berikutnya.

## 2.3 Pelajar yang memilih **PILIHAN 2** adalah tertakluk kepada syarat berikut:

- i. Bayaran yuran per semester mesti dilakukan dalam tempoh bulan berturut; dan
- ii. Sekiranya gagal melunaskan pembayaran yuran, pelajar :
  - **TIDAK** dibenarkan mendaftar kursus semester berkenaan;
  - **TIDAK** diberikan bahan bacaan/modul sesi pengajian; dan
  - **TIDAK** dibenarkan menyemak atau mendapat keputusan peperiksaan akhir semester.

## 2.4 Yuran yang dikenakan ke atas semua pelajar adalah termasuk Yuran Komitmen berjumlah RM2,000. Yuran ini tidak akan dipulangkan sekiranya pelajar menarik diri daripada pengajian ditawarkan.

Jadual 1: Pilihan kaedah pembayaran yuran pengajian mengikut semester pengajian (Mod pembelajaran selain Mod *Open & Distance Learning* (ODL))

PILIHAN	ILUSTRASI	SEBELUM PENDAFTARAN	SELEPAS PENDAFTARAN
1	Ambilan Semester 1 dan 2	100% daripada yuran semester.	Yuran selesai.
2	Ambilan Semester 1 (Sept/Okt)	40% daripada yuran Semester 1 pada bulan September.	30% pada bulan Oktober dan 30% pada bulan November berikutnya dalam tahun kalender yang sama.

	Ambilan Semester 2 (Feb/Mac)	40% daripada yuran Semester 2 pada bulan Februari.	30% pada bulan Mac dan 30% pada bulan April berikutnya dalam tahun kalender yang sama.
--	------------------------------	--	--

Jadual 2: Pilihan kaedah pembayaran yuran pengajian mengikut semester pengajian (Mod pembelajaran *Open & Distance Learning (ODL)*)

PILIHAN	ILUSTRASI	SEBELUM PENDAFTARAN	SELEPAS PENDAFTARAN
1	Ambilan Semester 1, 2 dan 3	100% daripada yuran semester.	Yuran selesai.
2	Ambilan Semester 1 (Sept)	40% daripada yuran Semester 1 pada bulan September.	30% pada bulan Oktober dan 30% pada bulan November berikutnya dalam tahun kalender yang sama.
	Ambilan Semester 2 (Jan)	40% daripada yuran Semester 2 pada bulan Januari.	30% pada bulan Feb dan 30% pada bulan Mac berikutnya dalam tahun kalender yang sama.
	Ambilan Semester 3 (Mei)	40% daripada yuran Semester 3 pada bulan Mei.	30% pada bulan Jun dan 30% pada bulan Julai berikutnya dalam tahun kalender yang sama.

### 3.0 DENDA DAN PENALTI

3.1 UKMSHAPE berhak menahan yuran pengajian yang telah dibayar sekiranya pelajar menarik diri atau menangguh / digantung sebelum tamat tempoh pengajian.

3.2 Bayaran balik yuran adalah tertakluk kepada tunggakkan baki yang belum dijelaskan oleh pelajar dengan pengiraan semula serta disahkan oleh Bahagian Kewangan UKMSHAPE.

3.3 Bayaran balik yuran pengajian bagi **kes pelajar menarik diri dan kes pelajar menangguh atau digantung** sebelum tamat tempoh pengajian adalah tertakluk kepada kadar yang ditentukan oleh UKMSHAPE seperti di **Jadual 3**:

**Jadual 3:** Bayaran balik yuran pengajian bagi kes pelajar menangguh atau digantung sebelum tamat tempoh pengajian

BIL	BUTIRAN	KADAR
1	Pelajar menarik diri/menangguh/digantung sebelum minggu kuliah bermula	<b>100%</b> daripada yuran pengajian keseluruhan untuk semester berkenaan akan dikembalikan.
2	Pelajar menarik diri/menangguh/digantung dari pengajian pada minggu pertama (1) hingga minggu kedua (2) semester	<b>70%</b> daripada yuran pengajian keseluruhan untuk semester berkenaan akan dikembalikan.
3	Pelajar menarik diri/menangguh/digantung dari pengajian pada minggu ketiga (3) hingga minggu keenam (6) semester	<b>50%</b> daripada yuran pengajian keseluruhan untuk semester berkenaan akan dikembalikan.
4	Pelajar menarik diri/menangguh/digantung dari pengajian selepas minggu keenam (6) semester	<b>TIADA</b> pulangan yuran pengajian untuk semester berkenaan akan dikembalikan.

#### 4.0 BAHAN BACAAN SERTA MODUL SESI PENGAJIAN

4.1 Bahan - bahan bacaan termasuk modul semasa sesi pengajian pelajar akan dibekalkan di Kaunter Buku UKMSHAPE sebaik sahaja bermula sesi pengajian bagi setiap semester.

4.2 Bahan - bahan bacaan termasuk modul semasa sesi pengajian adalah tertakluk kepada stok semasa. Stok setiap bahan bacaan termasuk modul pengajian ini akan disimpan sepanjang sesi semester yang berkaitan sahaja. UKMSHAPE berhak menggunakan stok sedia ada untuk menggantikan bahan bacaan termasuk modul sesi pengajian yang dibekalkan kepada pelajar.

4.3 Pelajar hanya dibenarkan untuk menuntut bahan bacaan termasuk modul sesi pengajian dalam tempoh satu semester sahaja. Pelajar **tidak dibenarkan** untuk membuat tuntutan bahan bacaan serta modul sesi pengajian sekiranya gagal menjelaskan yuran pengajian mengikut tempoh yang ditetapkan seperti pada perenggan 2.2(ii).

4.4 Bahan bacaan termasuk modul sesi pengajian yang dibekalkan oleh UKMSHAPE adalah bagi semua program **KECUALI** yang dinyatakan sebaliknya. (Tiada modul dibekalkan bagi pelajar pascasiswazah dan prasiswazah, Fakulti FSSK & FTSM).

4.5 Bahan pembelajaran kendiri (Mod ODL sahaja) dibekalkan melalui platform pembelajaran dalam talian iaitu platform *Learning Management System (LMS)*.

## 5.0 PELBAGAI BAYARAN DAN KENAAN CAJ

5.1 Pelajar adalah tertakluk kepada pelbagai bayaran dan kenaan caj yang ditetapkan oleh UKMSHAPE sepanjang tempoh pengajian seperti di **Jadual 4**.

5.2 Pelbagai bayaran dan kenaan caj yang ditetapkan oleh UKMSHAPE dibahagikan berdasarkan keperluan semasa pelajar seperti berikut:

- i. Yuran Pengajian;
- ii. Yuran pelbagai; dan
- iii. Yuran - yuran lain.

Jadual 4: Penyenaraian pelbagai bayaran dan kenaan caj sepanjang tempoh pengajian

JENIS	KADAR PENGAJIAN	CATATAN
<b>YURAN PENGAJIAN</b>		
Yuran Mengulang Kursus (sebab gagal atau baiki gred)	RM100 per kredit untuk Sarjana Muda	RM200 per kredit untuk Sarjana Muda - pelajar Antarabangsa
	RM200 per kredit untuk Diploma Siswazah	RM300 per kredit untuk Diploma Siswazah - pelajar Antarabangsa
	RM300 per kredit untuk Sarjana	RM600 per kredit untuk Sarjana - pelajar Antarabangsa
Yuran Gugur Kursus	RM50 per kursus	
Yuran Menarik Diri Kursus	RM100 per kursus	
Yuran Mengulang Projek	RM200 per kredit	Maksimum RM1,200
Yuran Mengulang Kertas Ilmiah / Latihan Ilmiah	RM100 per kredit	

<b>YURAN PELBAGAI</b>		
<b>TAMAT PENGAJIAN</b>		
Yuran Konvokesyen	RM180 (prasiswazah)	
	RM200 (siswazah)	

<b>YURAN PELBAGAI</b>		
<b>CAJ MENGIKUT PERMINTAAN / SITUASI</b>		
Yuran Semak Semula Keputusan Peperiksaan	RM50 per kursus	
Semak semula keputusan peperiksaan lisan	RM100	
Rayuan Meneruskan Pengajian	RM100	
Peperiksaan Ulangan Khas	RM25 per kursus (Prasiswazah)	
	RM50 per kursus (Siswazah)	
Peperiksaan Gantian	RM100 per kursus	
Denda Tatatertib	RM200	maksimum per kursus
Denda tidak membuat pendaftaran kursus (atas talian)	RM50	
Denda tidak membuat pengesahan pendaftaran kursus	RM50	
Cetakan Kedua Laporan Akademik / Keputusan Peperiksaan / Salinan Resit Bayaran / Salinan Surat Tawaran	RM5 per dokumen	
Pelajar mohon salinan asal transkrip untuk kegunaan peribadi	RM100	Urusan di Pejabat Bendahari UKM
-Ambil di UKMSHAPE		RM20/transkrip
-Dihantar pos berdaftar (dlm negara)		RM20/transkrip + RM10 (caj pos)
Pelajar mohon salinan asal transkrip untuk dihantar terus kepada institusi luar negara		RM150/pos
-Dihantar melalui pos berdaftar kepada institusi luar negara		
	RM15	Kes cetakan kedua

Cetakan Kad Matrik (hilang / rosak / tukar fakulti / salah ejaan)	RM50	Kes cetakan ketiga dan seterusnya
---	------	-----------------------------------

<b>YURAN PELBAGAI</b>		
<b>YURAN - YURAN LAIN</b>		
Yuran Memproses Borang Permohonan	RM50 (Tempatan)	
	RM100 (Antarabangsa)	
Rayuan Meneruskan Pengajian Setelah diberhentikan sebab Tidak Mendaftar	RM100 + RM50 / sem (Prasiswazah)	
	RM200 + RM50 / sem (Siswazah)	
Lewat menghantar notis penyerahan tesis	RM30	
Kadar Ulangan Peperiksaan Lisan (Ulangan Viva)	RM1,000 (Sarjana)	
	RM1,500 (Kedoktoran)	
Yuran Tambah Semester (Tesis/Penyelidikan/Disertasi)	RM1,500 (Tempatan)	
	RM2,000 (Antarabangsa)	
Yuran Tambah Semester (Kerjakursus) Prasiswazah	RM100 per kredit (Tempatan)	
	RM150 per kredit (Antarabangsa)	
Yuran Tambah Semester (Kerjakursus) Siswazah	RM900 (Tempatan)	
	RM1,200 (Antarabangsa)	

## 6.0 KAEADAH PEMBAYARAN YURAN

### 6.1 Bagi pelajar yang membiayai yuran pengajian secara persendirian

Bil	KEADAH	BUTIRAN
1	Melalui Bank Islam	1. <u>Kaunter Bank Islam</u>

	<p>Bayaran yuran boleh dibuat di mana-mana kaunter pembayaran Bank Islam dengan mengisi Slip Pembayaran Bil yang disediakan di kaunter. Maklumat yang perlu dilengkapkan adalah:</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>i) Nama : seperti di kad pengenalan Nombor kad</li> <li>ii) pengenalan : seperti di kad pengenalan</li> <li>iii) Bayar kepada : Pusat Kembangan Pendidikan</li> <li>iv) Jenis pembayaran : Yuran pengajian</li> </ul> <p><b>Sila simpan salinan slip sebagai bukti pembayaran.</b></p> <p>2. <u>ATM Bank Islam (Hanya pemegang akaun Bank Islam sahaja)</u></p> <p>Bayaran yuran boleh dibuat dengan:</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>1-Pilih menu&gt;LAIN-LAIN&gt;<b>PEMBAYARAN BIL/YURAN IPT</b></li> <li>2-Masukkan&gt; <b>NO KAD PENGENALAN PELAJAR</b></li> <li>3-Bil Anda&gt; <b>MASUKKAN AMAUN YANG HENDAK DIBAYAR</b></li> <li>4-Simpan resit sebagai rujukan</li> </ul> <p>3. <u>Perbankan Internet (Hanya pemegang akaun Bank Islam sahaja)</u></p> <p>Bayaran boleh dibuat di <a href="http://www.bankislam.biz">www.bankislam.biz</a> dengan cara</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>1- Klik pada <b>BILL PRESENTMENT</b></li> <li>2- Payee Corporation – pilih <b>UNIVERSITI KEBANGSAAN MALAYSIA</b></li> <li>3- Pastikan <b>no matrik</b> yang tertera di skrin adalah sama dengan yang dinyatakan dalam surat tawaran</li> <li>4- Masukkan <b>AMAUN</b> yang hendak dibayar</li> <li>5- Tekan butang <b>BAYAR</b></li> <li>6- Sila cetak transaksi sebagai bukti pembayaran.</li> </ul> <p>4. <u>CDM Bank Islam</u></p> <p>1-Pilih menu&gt;LAIN-LAIN&gt;<b>YURAN IPT/BILL PRESENTMENT</b></p> <p>2-Masukkan&gt; <b>NO KAD PENGENALAN PELAJAR</b></p> <p>3- Pilih &gt; <b>NO. MATRIK TERKINI</b></p> <p>4- <b>Sahkan butiran</b></p>
--	---

		<p>5-Masukkan &gt; <b>AMAUN YANG HENDAK DIBAYAR</b>      6- Sahkan pembayaran      7-Simpan resit sebagai rujukan</p>						
2	<b>Tunai</b>	<p>Pembayaran secara tunai hanya boleh dibuat di kaunter UKMSHAPE pada waktu-waktu berikut (kecuali cuti umum):</p> <table border="1"> <tr> <td>Isnin – Khamis</td><td>8.15am - 12.45pm 2.00pm - 4.45pm</td></tr> <tr> <td>Jumaat</td><td>8.15am - 12.00pm 2.45pm - 4.45 pm</td></tr> </table>	Isnin – Khamis	8.15am - 12.45pm 2.00pm - 4.45pm	Jumaat	8.15am - 12.00pm 2.45pm - 4.45 pm		
Isnin – Khamis	8.15am - 12.45pm 2.00pm - 4.45pm							
Jumaat	8.15am - 12.00pm 2.45pm - 4.45 pm							
3	<b>Kad Kredit/ Kad Debit</b>	<p>Pembayaran secara kad kredit hanya boleh dibuat di kaunter UKMSHAPE pada waktu-waktu berikut (kecuali cuti umum) :</p> <table border="1"> <tr> <td>Isnin - Khamis</td><td>8.15am - 12.45pm 2.00pm - 4.45pm</td></tr> <tr> <td>Jumaat</td><td>8.15am - 12.00pm 2.45pm - 4.45 pm</td></tr> <tr> <td>Sabtu &amp; Ahad</td><td>10.00am -3.00pm</td></tr> </table>	Isnin - Khamis	8.15am - 12.45pm 2.00pm - 4.45pm	Jumaat	8.15am - 12.00pm 2.45pm - 4.45 pm	Sabtu & Ahad	10.00am -3.00pm
Isnin - Khamis	8.15am - 12.45pm 2.00pm - 4.45pm							
Jumaat	8.15am - 12.00pm 2.45pm - 4.45 pm							
Sabtu & Ahad	10.00am -3.00pm							
4	<b>Cek, deraf bank dan kiriman wang</b>	<ol style="list-style-type: none"> <li>1. Pembayaran melalui cek, deraf bank dan kiriman wang hendaklah dibuat atas nama <b>PUSAT KEMBANGAN PENDIDIKAN</b> dan diposkan ke alamat:   <b>Pengarah</b>  <b>Pusat Kembangan Pendidikan</b>  <b>Bangunan Wawasan Universiti Kebangsaan</b>  <b>Malaysia 43600 Bangi</b>  <b>Selangor</b> </li> <li>2. Sila tuliskan nama, nombor kad matrik dan nombor telefon pelajar dengan jelas di belakang cek/deraf/kiriman wang tersebut.</li> <li>3. Bayaran melalui <b>cek post-dated TIDAK DIBENARKAN</b>. Sekiranya cek ditendang di atas sebab masalah teknikal, baki bank tidak mencukupi atau sebab lain pelajar terbabit akan disenaraihitamkan.</li> <li>4. <b>TIDAK DIBENARKAN</b> membuat sebarang pembayaran melalui cek persendirian.</li> </ol>						

<b>5 Talian Perbankan Internet</b>	<p>Bayaran boleh dilakukan secara talian perbankan internet secara pindahan bayaran. Maklumat pembayaran adalah seperti berikut:</p> <table style="width: 100%; border-collapse: collapse;"> <tr> <td style="width: 20%;">Nama Akaun</td><td style="width: 80%;">: <b>Pusat Kembangan Pendidikan</b></td></tr> <tr> <td>Nama Bank</td><td>: <b>CIMB Bank Berhad</b></td></tr> <tr> <td>No. Akaun</td><td>: <b>8002233817</b></td></tr> <tr> <td>Alamat Bank</td><td>: <b>Wisma UNIKEB Bandar Baru Bangi, 43600 Selangor, MALAYSIA</b></td></tr> <tr> <td>Kod Swift</td><td>: <b>CIBBMYKL</b></td></tr> </table> <p>Bukti pembayaran hendaklah diemelkan pada <a href="mailto:accpkp@ukm.edu.my">accpkp@ukm.edu.my</a> berserta maklumat pelajar. Kegagalan menghantar bukti bayaran akan menyebabkan status kewangan pelajar <b>tidak akan dikemaskini</b>.</p>	Nama Akaun	: <b>Pusat Kembangan Pendidikan</b>	Nama Bank	: <b>CIMB Bank Berhad</b>	No. Akaun	: <b>8002233817</b>	Alamat Bank	: <b>Wisma UNIKEB Bandar Baru Bangi, 43600 Selangor, MALAYSIA</b>	Kod Swift	: <b>CIBBMYKL</b>
Nama Akaun	: <b>Pusat Kembangan Pendidikan</b>										
Nama Bank	: <b>CIMB Bank Berhad</b>										
No. Akaun	: <b>8002233817</b>										
Alamat Bank	: <b>Wisma UNIKEB Bandar Baru Bangi, 43600 Selangor, MALAYSIA</b>										
Kod Swift	: <b>CIBBMYKL</b>										
	<p><b>**Nota :</b></p> <ol style="list-style-type: none"> <li>1. Bagi pelajar yang mempunyai dua (2) atau lebih nombor matrik (disebabkan menyambung pengajian di UKMSHAPE atau sebelum ini belajar sepenuh masa di UKM), sila nyatakan <b>no matrik terkini</b> dalam slip pembayaran bil semasa membuat bayaran di Bank Islam/perbankan internet Bank Islam.</li> <li>2. Segala pembayaran melalui Bank Islam mengambil tempoh selama 3 hari waktu bekerja untuk proses kemaskini akaun pelajar.</li> </ol>										

## 6.2 Pelajar yang membiayai yuran pengajian secara **tajaan dan pinjaman pelajaran**.

Bil	KAEDAH	BUTIRAN
1	<b>Kemukakan Surat Perjanjian/Tajaan</b>	<p>1. Pelajar yang mendapat kemudahan biasiswa atau pinjaman perlu mengemukakan kepada UKMSHAPE (surat perjanjian biasiswa/pinjaman) bagi memudahkan urusan tuntutan yuran pengajian oleh UKMSHAPE kepada pihak penaja atau pemberi pinjaman.</p>
	<b>**Nota:</b>	<p>1. Kelewatan dalam mengemukakan surat tajaan/perjanjian pada pihak UKMSHAPE akan menyebabkan kelewatan dalam membuat tuntutan pada pihak penaja</p> <p>2. Pihak UKMSHAPE akan menyekat sebarang aktiviti pelajar sekiranya pihak penaja gagal membuat pembayaran yuran pengajian pelajar.</p>

## 6.3 Pelajar yang membiayai yuran pengajian melalui KWSP

Bil	KAEDAH	BUTIRAN
1	Pemohonan atas talian	1. Pelajar boleh membuat permohonan pengeluaran KWSP secara atas talian di <a href="https://secure.kwsp.gov.my/member/member/login">https://secure.kwsp.gov.my/member/member/login</a>

## 7.0 SEMAKAN AKAUN PELAJAR DAN URUSAN SURAT MENYURAT

7.1 UKMSHAPE bertanggungjawab mengeluarkan resit rasmi kepada pelajar bagi setiap kali pembayaran dibuat oleh pelajar. Pelajar dikehendaki menyimpan resit asal yuran pengajian bagi tujuan rekod dan rujukan.

7.2 Pelajar dikehendaki membuat semakan status bayaran yuran atau pelbagai bayaran yang telah dibuat melalui portal rasmi e-kewangan UKM di alamat <https://ekewangan.ukm.my>

7.3 Sebarang urusan surat menyurat dan pertanyaan dari pelajar boleh dikemukakan kepada:

**Bahagian Kewangan  
Pusat Pembentukan Pendidikan Lanjutan dan Profesional (UKMSHAPE)  
Universiti Kebangsaan Malaysia  
43600 Bangi  
Selangor**

**No. Telefon :** 03 89213366/89214196/89213997/89213886/89215377  
**No Faks :** 03 89269182  
**Emel :** [accpkp@ukm.edu.my](mailto:accpkp@ukm.edu.my)  
**Facebook :** <https://www.facebook.com/ukmshape/>

- Setiap urusan berkaitan perlulah disertakan nama penuh dan nombor pendaftaran (matrik) pelajar apabila berurusan dengan Bahagian Kewangan UKMSHAPE.